

01/05/1999

Malaysia terima keputusan Mahkamah Dunia mengenai Param

ALOR STAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia menerima keputusan Mahkamah Dunia bahawa pelapor khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai hak asasi manusia, Datuk Param Cumaraswamy, berhak mendapat kekebalan daripada prosiding undang-undang.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, pada masa depan kerajaan mahu mendapatkan penjelasan awal mengenai kebebasan yang diberikan kepada pelapor PBB jika ada permintaan daripada kalangan rakyat negara ini.

Selain itu, katanya, kerajaan kini faham bahawa apabila seseorang bertugas untuk PBB, dia bebas membuat sebarang kenyataan.

"Sekarang baru kita faham apabila kita beri kekebalan pada seseorang untuk jalankan tugas PBB, dia bebas buat apa saja.

"Lain kali kalau ada permintaan supaya orang Malaysia diberi tugas untuk PBB, kita nak tahu betul-betul kebebasan dia setakat mana kerana kita tahu Param adalah seorang yang memang dari awal lagi pandang serong pada kerajaan.

"Bagaimanapun, ketika itu kita bersetuju dengan pelantikannya kerana nak kerja dengan PBB tentulah bertanggungjawab dengan apa yang dia buat," katanya pada sidang akhbar sejurus tiba untuk lawatan tiga hari ke Kedah hari ini.

Semalam Mahkamah Dunia membuat keputusan bahawa Param yang menghadapi tuntutan saman fitnah berjumlah RM426 juta di negara ini berhak mendapat kekebalan daripada prosiding undang-undang.

Dengan 14 undi menyokong dan satu menentang, mahkamah tertinggi PBB itu memutuskan bahawa Param tidak boleh disaman kerana kenyataannya kepada media pada November 1995 berhubung sistem kehakiman di Malaysia.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia tidak boleh membuat sebarang tindakan berikutan keputusan Mahkamah Dunia itu dan Param kini boleh mengkritik sesiapa sahaja, termasuk kerajaan negara lain.

Bagaimanapun, beliau berharap Param sentiasa berpegang kepada kebenaran dalam laporannya dan tidak membuat tuduhan melulu atau komen bersifat peribadi.

Menurutnya, seorang yang dilantik sebagai pelapor atau pemerhati perlu bersikap berkecuali bagi mengelakkan laporan berat sebelah.

"Kalau pilih orang yang cenderungnya dikenali, sudah tentulah dia punya laporan berat sebelah.

"Kalau kita tahu dia diberi imuniti maka dari awal lagi tak akan beri. Tiada apa yang dapat kita buat, dia bebas untuk maki kerajaan. Dia boleh kata apa yang dia suka dan kita tak boleh buat apa-apa," katanya.

(END)